

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)41

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

41. Nyatakan status dan bilangan Pusat Jagaan Ibu Selepas Bersalin yang mendapat lesen selepas garis panduan dilancarkan.
- (a) Nyatakan usaha holistik Kerajaan Negeri dalam membantu pusat-pusat berkaitan mendapat lesen.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

41. Bilangan Pusat Jagaan Ibu Selepas Bersalin (PJISB) yang berlesen di Negeri Pulau Pinang ada sebanyak 14 buah pusat. Sebanyak 13 PJISB beroperasi di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan satu (1) PJISB di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Untuk makluman tambahan, MBPP telah menerima 3 permohonan kebenaran merancang bagi aktiviti pusat jagaan ibu selepas bersalin. Di mana 1 permohonan telah diluluskan dengan bersyarat dan 2 permohonan lagi telah ditarik balik oleh pemohon.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan usaha-usaha selaras dengan visi Penang2030 iaitu untuk memperkukuh sistem penjagaan dan kebajikan di Negeri Pulau Pinang bagi membantu pengusaha PJISB mendapatkan lesen mengikut garis panduan sedia ada supaya pusat jagaan beroperasi dalam kawasan lingkungan zon perumahan dan zon perniagaan dengan syarat-syarat yang dinyatakan.

Antara usaha PBT dalam membantu pusat-pusat tersebut mendapatkan lesen adalah seperti berikut:

- (i) Memberikan khidmat nasihat kepada pengusaha berhubung tatacara untuk mendapatkan kelulusan-kelulusan berkaitan bagi menjalankan aktiviti PJISB; dan
- (ii) Membangunkan Garis Panduan PJISB sebagai langkah untuk memudah cara pengusahaan PJISB berdasarkan akta dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di atas prinsip *facilitate doing business*.

Kerajaan Negeri telah menyediakan kriteria dan syarat yang jelas dalam Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Pusat Sejahtera (Wellness Centre) Negeri Pulau Pinang sebagai rujukan untuk pengusaha merancang, mengawal, membangunkan dan merekabentuk pusat jagaan.